



The Observer

12.05.2023

❖ Rasuah dalam syarikat awam tersenarai (PLC)

Pada Januari 2023, gabungan antirasuah global iaitu Transparency International mendedahkan bahawa skor Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perception Index*, CPI) 2022 Malaysia telah merosot kepada 47 mata berbanding 48 mata pada tahun 2021, yang mana 0 adalah paling korup dan 100 dianggap sebagai paling bersih. CPI merupakan ranking rasuah peringkat global yang paling banyak digunakan di dunia. Ia mengukur sejauh mana sektor awam setiap negara dianggap korup, menurut pakar dan ahli perniagaan.

Daripada 53 mata pada tahun 2019, CPI Malaysia telah jatuh 6 mata dalam tempoh tiga tahun yang lalu. Secara statistik, penurunan ini adalah ketara kerana ia menunjukkan bahawa negara berada di landasan yang salah dalam usaha memerangi rasuah, menyokong hak asasi manusia dan demokrasi dalam sektor awam.

Menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) rasuah ialah perbuatan memberi atau menerima apa-apa suapan atau ganjaran dalam bentuk wang tunai atau bukan wang yang bernilai tinggi untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan sesuatu tugas yang berkaitan dengan jawatan mereka.

Ada empat kesalahan utama yang termaktub dalam Akta SPRM 2009 (Akta 694):

- Meminta/ Menerima suapan (rasuah) [seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM 2009]
- Menawarkan/ Memberi suapan (rasuah) [seksyen 17(b) Akta SPRM 2009]
- Mengemukakan tuntutan palsu dengan niat untuk menipu [Seksyen 18 Akta SPRM 2009]
- Menggunakan jawatan/ kedudukan untuk suapan (rasuah) (menyalahgunakan kuasa/ jawatan) [Seksyen 23 Akta SPRM 2009]

PLC dalam berita

Walaupun kita sering mendengar tentang gejala rasuah yang berleluasa dalam kerajaan, politik dan sektor awam, rasuah juga merupakan isu serius yang melanda sektor korporat di Malaysia.

Walaupun pihak berkuasa berusaha mengekang rasuah daripada berleluasa, PLC masih terlibat dalam kes-kes rasuah. Situasi ini menimbulkan kebimbangan terhadap etika dan integriti pengarah dan kakitangan PLC.

Antara kes yang meraih perhatian, pada Januari 2022, SPRM telah menahan tiga pegawai untuk memudahkan siasatannya terhadap perolehan enam buah kapal tempur pesisir (*littoral combat ships, LCS*) yang kononnya akan dibina oleh Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS), sebuah anak syarikat 82% Boustead Holdings Berhad.

Mara laju ke bulan Februari 2023, SPRM menyerbu pejabat M Jets International Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik 80% MMAG Holdings Berhad, berikutan laporan yang dibuat kepada SPRM, yang menyebabkan akaun anak syarikat itu dibekukan. Selepas itu, MMAG menggantung jawatan eksekutif dua pengarah M Jets.

Sebulan kemudian, dua pengarah Revenue Group Berhad telah dibicarakan di Mahkamah Sesyen kerana menyalahgunakan harta syarikat secara tidak jujur pada tahun 2018. Pengarah-pengarah itu telah diberkas oleh SPRM pada Januari 2023 atas dakwaan tuntutan palsu berkaitan pembelian kertas percetakan haba bernilai lebih daripada RM400,000.

Kemudian pada April 2022, SPRM membekukan kesemua akaun bank yang beroperasi milik pembuat pakaian dalam bermasalah, Classita Holdings Berhad (dahulunya dikenali sebagai Caely Holdings Bhd) dan anak-anak syarikatnya berkaitan beberapa transaksi mencurigakan yang dikaitkan dengan penyelewengan sejumlah RM30.55 juta oleh anak syarikat milik penuhnya Caely (M) Sdn Bhd. Perintah pembekuan itu ditarik balik lapan bulan selepas SPRM menyelesaikan siasatannya dan tidak memfailkan sebarang pertuduhan terhadap syarikat itu.

Contoh-contoh ini mungkin bukan bukti muktamad berlakunya jenayah rasuah kerana siasatan mungkin dalam pelbagai peringkat penyelesaian. Umumnya, seseorang itu tidak bersalah sehingga didakwa dan didapati bersalah.

Bagi PLC, impaknya mendatangkan mudarat dalam bentuk kerugian reputasi, kerugian kewangan, ketidakcekapan operasi dan hukuman pengawalseliaan bagi mereka yang ditangkap kerana rasuah. PLC juga mungkin bertanggungjawab ke atas rasuah yang dilakukan oleh pengarah dan kakitangan mereka.

Apakah yang perlu kita lakukan?

Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities memberikan mandat kepada semua PLC dan anak-anak syarikat mereka untuk mewujudkan dan menyenggara dasar dan prosedur yang berkaitan antirasuah dan pemberi maklumat. Dasar ini perlu disiarkan di laman sesawang korporat mereka.

Pemberi maklumat (*Whistleblowing*) bertujuan meningkatkan tadbir urus korporat dengan membantu memupuk persekitaran yang memelihara integriti dan tingkah laku beretika. Sebarang kelakuan yang tidak wajar mungkin akan didedahkan. *Whistleblowing* juga merupakan kaedah pengurusan risiko untuk mencegah salah laku dalam syarikat. Dasar sedemikian menggalakkan piawaian tadbir urus korporat yang baik.

Pihak berkepentingan termasuk pemegang saham minoriti dan pekerja, digalakkan untuk melaporkan secara jujur apa-apa kebimbangan serius yang berkaitan sebarang kesalahan dan tingkah laku yang tidak wajar yang boleh memberikan

kesan buruk kepada kepentingan PLC dan pemegang kepentingannya tanpa rasa takut akan kesannya, melalui saluran khusus.

Lagipun, penerbit tersenarai dan lembaga pengarah mereka dikehendaki menilai secara berkala keberkesanan dasar dan prosedur ini, sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun serta memastikan risiko rasuah dimasukkan ke dalam penilaian risiko tahunan kumpulan. Sebagai pemegang saham minoriti, kita perlu memainkan peranan kita dalam memantau dan menilai kecukupan dasar-dasar ini bagi memastikan ia relevan dengan masa kini.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 15 hingga 19 Mei 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

| Tarikh dan Masa | Syarikat | Tinjauan ringkas |
|--------------------------------|-----------------------------|---|
| 15.05.23 (Isnin) 11.00 pagi | Public Bank Berhad (AGM) | Selaras dengan peningkatan pendapatan yang direkodkan oleh rakan perbankan lain, Public Bank merekodkan pendapatan operasi dan untung bersih tahun ke tahun yang lebih tinggi, masing-masing berjumlah RM21.42 bilion dan RM6.12 bilion. Pada masa yang sama, bank merekodkan pertumbuhan pinjaman secara keseluruhan sebanyak 5.3% selain mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju dalam pembiayaan hartanah kediaman domestik dan sewa beli, dengan pertumbuhan masing-masing sebanyak 7.5% dan 8.9%. |
| 17.05.23 (Rabu) 10.00 pagi | PPB Group Berhad (AGM) | Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM6.26 bilion atau 29% lebih tinggi berbanding tahun kewangan 2021 memandangkan kesemua segmen teras mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi. Untung sebelum cukai meningkat 50% kepada RM2.25 bilion. Perniagaan teras PPB, Bijirin dan Hasil Tani mencatatkan peningkatan keuntungan sebanyak 21% kepada |

| | | |
|---------------------------------------|--------------------------------------|--|
| | | <p>RM74 juta, manakala Tayangan dan Pengedaran Filem mencatatkan kerugian yang lebih rendah sebanyak RM17 juta. Sumbangan daripada syarikat bersekutu 18.8% miliknya iaitu Wilmar International Ltd meningkat sebanyak 40% kepada RM2.10 bilion.</p> |
| <p>17.05.23 (Rabu) 10.00 pagi</p> | <p>UMW Holdings Berhad (AGM)</p> | <p>Pendapatan UMW meningkat 43.0% kepada RM15.8 bilion pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM11.1 bilion) terutamanya disumbangkan oleh Bahagian Automotif. Bahagian itu mencatatkan peningkatan 47.78% dalam pendapatan kepada RM13.3 bilion berbanding RM9 bilion setahun yang lalu. Bahagian-bahagian lain seperti bahagian Kelengkapan, bahagian Pengilangan & Kejuruteraan, rata-rata mencatatkan prestasi barisan atas yang lebih baik.</p> <p>Selaras dengan pendapatan yang lebih tinggi, untung sebelum cukainya (PBT) meningkat 85.6% kepada RM896.5 juta (tahun kewangan 2021: RM482.8 juta).</p> <p>Kumpulan tetap mengambil pendekatan berhati-hati berikutan banyak cabaran yang bakal dihadapi pada tahun 2023 dan seterusnya.</p> |
| <p>17.05.23 (Rabu) 10.00 pagi</p> | <p>Aeon Co. (M) Berhad (AGM)</p> | <p>Untung sebelum cukai (<i>profit before tax, PBT</i>) AEON bagi tahun kewangan 2022 meningkat sebanyak 61.4% tahun ke tahun kepada RM211.47 juta (tahun kewangan 2021: RM131.01 juta) berikutan peningkatan pendapatan sebanyak 14.1% kepada RM4.14 bilion (tahun kewangan 2021: RM3.63 bilion).</p> <p>Pertumbuhan ini disumbangkan oleh peningkatan pendapatan segmen runcit sebanyak 13.8% yang disumbangkan oleh jualan barangan lembut (<i>softline</i>) dan barangan pengguna tahan lama (<i>hardline</i>) serta peningkatan 15.8% dalam pendapatan daripada</p> |

| | | |
|---------------------------------|-------------------------------------|--|
| | | perkhidmatan pengurusan hartanah berikutan kadar penghunian dan kehadiran pelanggan yang lebih tinggi. |
| 17.05.23 (Rabu) 10.00 pagi | Apex Healthcare Berhad (AGM) | <p>Pada tahun kewangan 2022, Kumpulan mencapai rekod pendapatan dan untung sebelum cukai (<i>profit before tax</i>, PBT) tertinggi, masing-masing berjumlah RM877.7 juta (tahun kewangan 2021: RM770.8 juta) dan RM120.4 juta (tahun kewangan 2021: RM75.4 juta). Jualan yang lebih tinggi disumbangkan oleh pelbagai faktor termasuk kecekapan pembekalan produk penjagaan kesihatan berkaitan pandemik serta peningkatan jualan ubat-ubatan pernafasan.</p> <p>Pertumbuhan keuntungan yang ketara disumbangkan oleh bahagian pendapatan yang lebih tinggi daripada syarikat bersekutunya yang memegang 40% kepentingan iaitu Straits Apex Group, yang menyumbang RM29.6 juta (tahun kewangan 2021: RM7.1 juta) hasil daripada tempahan yang kukuh.</p> |
| 17.05.23 (Rabu) 02.30 petang | Zhulian Corporation Berhad (AGM) | <p>Kumpulan mencatatkan pendapatan yang lebih rendah berjumlah RM136.2 juta pada tahun kewangan 2022, mewakili penurunan sebanyak 9% berbanding RM149.6 juta pada tahun kewangan 2021. Ini disebabkan oleh keyakinan pengguna yang semakin berkurangan yang turut menjejaskan perbelanjaan mereka serta gangguan dan impak yang disebabkan oleh wabak yang berpanjangan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini.</p> <p>Jumlah jualan yang berkurangan dan Ringgit yang lemah berbanding Dolar AS menghasilkan untung bersih sebanyak RM38.3 juta bagi tahun kewangan 2022, menyusut RM3.3 juta berbanding tahun kewangan sebelumnya iaitu sebanyak RM41.6 juta.</p> |

| | | |
|-----------------------------------|-----------------------------------|--|
| 18.05.23 (Khamis) 10.00 pagi | Tenaga Nasional Berhad (AGM) | Didorong oleh permintaan elektrik yang lebih kukuh apabila aktiviti ekonomi meningkat dan kembali normal, kumpulan merekodkan pendapatan berjumlah RM50.9 bilion pada tahun 2022, iaitu 5.7% lebih tinggi tahun ke tahun berbanding RM48.1 bilion yang dilaporkan pada tahun 2021. Walaupun permintaan ini memacu pendapatan lebih tinggi, kumpulan mencatatkan untung selepas cukai yang lebih rendah sebanyak RM3.56 bilion atau 8% lebih rendah tahun ke tahun berbanding RM3.86 bilion yang dilaporkan pada tahun 2021. Ini terutamanya disebabkan oleh pergerakan cukai tertunda dan penganan Cukai Makmur. |
| 18.05.23 (Khamis) 02.30 petang | Maxis Berhad (AGM) | <p>Walaupun beroperasi dalam persekitaran yang mencabar, Maxis mencapai pertumbuhan dalam dua segmen terasnya iaitu Pengguna dan Perusahaan. Ini menghasilkan perolehan sebelum faedah, cukai, susutnilai dan pelunasan (<i>earnings before interest, tax, depreciation and amortisation, EBITDA</i>) berjumlah RM3,938 juta bagi tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM3,876 juta), dengan kesemua segmen menyumbang lebih banyak berbanding tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Untung sebelum cukai meningkat kepada RM1,811 juta daripada RM1,762 juta. Kumpulan itu juga sedang membangunkan Rangkaian Alnya, yang dibina berdasarkan teknologi Rangkaian Ditakrifkan Oleh Perisian (<i>Software Defined Network, SDN</i>) terkini dan bekerjasama rapat dengan rakan kongsi pakatan 5Gnya untuk mengkomersialkan 5G dan Internet Benda (<i>Internet of Things, IoT</i>) merentas industri.</p> |
| 19.05.23 (Jumaat) 09.00 pagi | P.I.E. Industrial Berhad (AGM) | Pada tahun kewangan 2022, pendapatan Kumpulan meningkat 14.6% kepada paras tertinggi baharu sepanjang masa iaitu sebanyak RM1.17 bilion. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pesanan yang lebih tinggi yang |

| | | |
|---------------------------------|------------------------|---|
| | | <p>diterima daripada pelanggan baharu dan sedia ada dalam segmen perkhidmatan pengilangan elektronik (<i>electrical manufacturing services, EMS</i>).</p> <p>Segmen EMS di Malaysia menyumbang 78.1% daripada pendapatan Kumpulan, diikuti oleh bahagian pembuatan wayar mentah dan kabel di Malaysia, pada 20.3% sementara bahagian pemasangan kabel dan abah-abah wayar di Thailand, pada 1.6%. Sementara itu, untung sebelum cukai (<i>profit before tax, PBT</i>) meningkat 10.4% kepada RM82.06 juta.</p> |
| 19.05.23 (Jumaat) 09.30 pagi | Magnum Berhad (AGM) | <p>Pendapatan Kumpulan meningkat 61.3% kepada RM2.03 bilion pada tahun kewangan 2022. Selaras dengan peningkatan ini, untung sebelum cukai melonjak lebih enam kali ganda kepada RM159.86 juta pada tahun kewangan 2022. Pendapatan yang lebih tinggi itu sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan bilangan cabutan yang dijalankan pada tahun kewangan 2022 (2022: 179 cabutan; 2021: 126 cabutan).</p> <p>Anjakan paradigma dalam tingkah laku pembelian pengguna yang disebabkan oleh pandemik telah mengubah dengan ketara industri Pengendali Nombor Ramalan (<i>Number Forecast Operator, NFO</i>) kerana pengguna tetap memilih pembelian dalam talian yang memudahkan walaupun selepas pandemik. Ini menjadi halangan utama bagi NFO yang sah kerana ia membolehkan pengendali haram menyusup masuk dan tanpa segan silu mendapatkan wang habuan dengan membawa kemudahan permainan dalam talian kepada pengguna, betul-betul di hujung jari mereka.</p> |

Perkara penting untuk diketengahkan:

| Syarikat | Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan |
|-----------------------------|--|
| Public Bank Berhad (AGM) | Saiz pinjaman korporat di bawah program bantuan pembayaran balik (<i>repayment assistance, RA</i>) kekal |

| | |
|---------------------------|---|
| | <p>meningkat pada RM4.69 bilion, yang mana jumlah pinjaman terkumpul yang diluluskan di bawah program RA dari tahun 2020 hingga 28 Februari 2023 adalah sama dengan jumlah pinjaman yang belum dilunaskan di bawah RA. (Halaman 98 daripada Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Pinjaman ini berasal dari sektor perniagaan yang mana? Apakah isu yang dihadapi oleh peminjam yang mengakibatkan mereka tidak berupaya membayar balik pinjaman yang tertunggak? Apakah kebarangkalian untuk mengutip semula pinjaman yang tertunggak ini?</p> |
| PPB Group Berhad (AGM) | <p>Pada tahun kewangan 2022, kos kewangan Kumpulan meningkat kepada RM68,173,000 daripada RM34,905,000 pada tahun kewangan 2021, mewakili peningkatan sebanyak 95.31%. (Halaman 74, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Adakah Kumpulan menjangkakan kos kewangan akan kekal pada tahap yang sama atau meningkat lagi pada tahun kewangan 2023? Sejauh manakah kenaikan kadar faedah akan memberikan kesan terhadap keuntungan Kumpulan pada tahun kewangan 2023?</p> |
| UMW Holdings Berhad (AGM) | <p>Menurut laporan berita oleh News Straits Times bertarikh 28 April, Daihatsu mengesahkan bahawa mereka telah melakukan "perbuatan salah" iaitu ujian keselamatan kemalangan yang dibuat untuk permohonan kelulusan kawal selia bagi empat model kenderaan. Model yang terjejas termasuk Perodua Axia 2023, Toyota Vios (dikelompokkan sebagai Yaris Ativ di Thailand dan pasaran lain), Toyota Agya dan sebuah lagi model yang belum dilancarkan. Menurutnyanya lagi, lebih 88,000 unit model yang terjejas telah dijual di Malaysia, Thailand, Indonesia, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Kuwait dan Mexico setakat ini dan penghantaran baharu telah pun digantung. (Artikel NST pada 1 Mei 2023)</p> <p>a) Sejauh manakah Kumpulan menjangkakan berita sedemikian boleh menyebabkan pembatalan tempahan bagi kenderaan Toyota dan Perodua yang terjejas?</p> <p>b) Perodua berhasrat untuk menjadikan pertumbuhan yang berjaya dicapai pada tahun sebelumnya sebagai asas dan telah menetapkan sasaran yang tinggi iaitu untuk menjual 314,000 buah kereta pada tahun 2023 (Halaman 63, Laporan Tahunan 2022). Selepas tersiarnya berita negatif tentang Perodua Axia yang dikaitkan dengan "perbuatan salah", adakah sasaran ini masih boleh dicapai?</p> |
| Aeon Co. (M) Berhad (AGM) | <p>Pada tahun kewangan 2022, AEON menumpukan kepada meningkatkan keupayaan digitalnya bagi memenuhi keperluan pelanggan yang berubah-ubah. Ini termasuk melaksanakan model Perniagaan Runcit Baharu dan strategi Gabungan Dalam Talian dan Luar Talian (<i>Online Merge Offline, OMO</i>). (Halaman 23, Laporan Tahunan 2022).</p> |

| | |
|----------------------------------|--|
| | <p>a) Berapakah peratusan pertumbuhan jualan dalam segmen runcit pada tahun kewangan 2022 yang boleh dikaitkan dengan penerapan pendigitalan? Bolehkah anda berikan sebarang metrik khusus yang menunjukkan kesan pendigitalan terhadap prestasi jualan anda?</p> <p>b) Apakah pecahan perbelanjaan modal AEON yang dibajetkan bagi tahun kewangan 2023 dan berapakah bahagian daripadanya yang diperuntukkan untuk inisiatif pendigitalan?</p> |
| Apex Healthcare Berhad (AGM) | <p>Pada tahun 2022, Apex Healthcare mencatatkan pendapatan yang memecahkan rekod berjumlah RM877.7 juta, iaitu pertumbuhan sebanyak 13.9% berbanding tahun 2021. Peningkatan ini disumbangkan oleh pemulihan ekonomi yang mampan, keyakinan pengguna yang bertambah baik, pengembangan kapasiti pengeluaran yang tepat pada masanya serta jualan yang memberangsangkan bagi ubat-ubatan pernafasan terutamanya produk batuk dan selsema yang mendapat permintaan tinggi disebabkan oleh Covid-19 dan penyakit pernafasan lain dalam masyarakat. (Halaman 10, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Berapakah sumbangan ubat-ubatan pernafasan, termasuk produk batuk dan selsema, kepada jumlah pendapatan pada tahun 2022? Apakah kesan terhadap jumlah pendapatan jika jualan ubat pernafasan berada pada tahap normal dan bukannya dipengaruhi oleh peningkatan permintaan seperti yang diperhatikan pada tahun tersebut?</p> <p>b) Memandangkan terdapat potensi penurunan dalam permintaan untuk ubat-ubatan pernafasan, apakah strategi atau produk yang ditawarkan oleh Kumpulan untuk mengekalkan atau meningkatkan jumlah pendapatannya pada tahun 2023?</p> |
| Zhulian Corporation Berhad (AGM) | <p>Kumpulan melaporkan pendapatan yang lebih rendah berjumlah RM136.167 juta berbanding RM149.616 juta setahun yang lalu, terutamanya disebabkan oleh sentimen pengguna yang lemah akibat tekanan inflasi dan Ringgit yang lemah. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk menangani cabaran ini? Adakah Kumpulan menjangkakan prestasi yang lebih baik pada tahun kewangan 2023?</p> |
| Tenaga Nasional Berhad (AGM) | <p>Termasuk dalam penghutang lain kumpulan dan syarikat adalah amaun terhutang daripada Kerajaan berjumlah RM16,853.3 juta (2021: RM4,783.0 juta) di bawah mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (<i>Imbalance Cost Pass-Through, ICPT</i>). (Halaman 298, Laporan Tahunan Bersepadu 2022). Sementara itu, jumlah ICPT di bawah pemulihan melonjak daripada RM4,509.6 juta pada tahun 2021 kepada RM22,315.3 juta pada tahun 2022. (Nota 32 kepada penyata kewangan 2022)</p> |

| | |
|---------------------------------------|--|
| | <p>a) Bermula 1 Januari 2023, pengguna voltan sederhana dan voltan tinggi akan dikenakan surcaj sebanyak 20 sen bagi setiap kWj berikutan kos penjanaan elektrik yang tinggi yang disebabkan oleh kenaikan harga arang batu di peringkat global. Selepas semakan surcaj, adakah Lembaga Pengarah masih menjangkakan Tenaga berada jauh di bawah kedudukan pemulihan pada separuh pertama tahun 2023 di bawah mekanisme ICPT? Adakah Lembaga menjangkakan jumlah terhutang daripada Kerajaan di bawah ICPT akan terus meningkat?</p> <p>b) Adakah Tenaga menjangkakan subsidi tambahan daripada kerajaan, selepas Kerajaan menanggung subsidi elektrik sebanyak RM5.8 bilion pada separuh kedua tahun 2022?</p> <p>c) Dengan peningkatan jumlah terhutang daripada kerajaan di bawah mekanisme ICPT, bagaimanakah Tenaga menjangkakan untuk mendapatkan semula jumlah yang terhutang itu?</p> <p>d) Bilakah jumlah terhutang sebanyak RM16,853.3 juta dijangka dapat diperoleh sepenuhnya?</p> <p>e) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Tenaga untuk menangani impak yang berpotensi terhadap aliran tunai kumpulan yang disebabkan oleh sebarang kelewatan untuk mendapatkan semula ICPT di bawah kedudukan pemulihan?</p> |
| <p>Maxis Berhad (AGM)</p> | <p>1. Rosot nilai kumpulan ke atas penghutang dan deposit meningkat dengan ketara daripada RM76.0 juta pada tahun kewangan 2021 kepada RM156.0 juta pada tahun kewangan 2022 (Halaman 143, Laporan Tahunan Bersepadu 2022). Mengapakah rosot nilai meningkat dengan ketara? Berapakah jumlah rosot nilai yang telah dipulihkan dan apakah kebarangkalian untuk mendapatkan semula bakinya?</p> <p>2. Pada akhir tahun kewangan 2022, daripada RM16 juta jumlah terhutang daripada pihak berkaitan di peringkat Kumpulan, terdapat sejumlah besar RM7 juta telah dirosot nilai (Halaman 163, Laporan Tahunan Bersepadu 2022). Apakah dasar kredit Kumpulan berhubung amaun yang terhutang daripada pihak berkaitan? Berapakah jumlah rosot nilai telah berjaya dipulihkan dan apakah kebarangkalian untuk mendapatkan semula bakinya?</p> |
| <p>P.I.E. Industrial Berhad (AGM)</p> | <p>Pada tahun kewangan 2022, perbelanjaan modal (<i>capital expenditure, capex</i>) Kumpulan berjumlah RM46.68 juta, berbanding RM65.66 juta pada tahun kewangan 2021. Ia dibelanjakan untuk pembelian mesin dan peralatan serta pembelian dan penambahan kepada bangunan kilang yang bertujuan mengembangkan kapasiti pengeluaran bagi menampung pesanan yang semakin meningkat serta</p> |

| | |
|---------------------|---|
| | <p>menambahkan kecekapan operasi. (Halaman 11, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Berapakah jumlah kapasiti dan kadar penggunaan purata Kumpulan bagi tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Berapakah penambahan kapasiti daripada kilang baharu ini kepada Kumpulan?</p> <p>c) Bilakah kilang baharu ini dijangka memulakan operasi? Bilakah ia dijangkakan berfungsi pada kapasiti yang optimum?</p> <p>d) Berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan bagi tahun kewangan 2023?</p> |
| Magnum Berhad (AGM) | <p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM2.03 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 (Tahun Kewangan 2022), RM771.54 juta lebih tinggi daripada pendapatan tahun sebelumnya yang berjumlah RM1.26 bilion. Peningkatan sebanyak 61.3% ini amat membanggakan. Pendapatan daripada jualan nombor ramalan yang lebih tinggi terutamanya disebabkan oleh peningkatan bilangan cabutan yang dijalankan pada tahun kewangan 2022 (2022: 179 cabutan; 2021: 126 cabutan) yang membolehkan Kumpulan menikmati setahun penuh operasi perniagaan tanpa gangguan ketika memasuki fasa endemik. (Halaman 17, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Berapakah bilangan cabutan yang dijangka akan dibuat oleh Syarikat pada tahun kewangan 2023? Adakah pertumbuhan pendapatan Kumpulan yang luar biasa ini dapat bertahan atau dijangka meningkat pada tahun kewangan 2023?</p> |

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.